



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

“INISIATIF PENYAMPAIAN DIGITAL JPJ TAHUN 2024”

Selangor, 2 Januari 2024 – Sebagaimana semua maklum saya telah mengumumkan fasa pertama pendigitalan pada 10 Februari 2023 di mana pemilik kenderaan persendirian yang merupakan warganegara boleh menggunakan mod paparan Lesen Kenderaan Motor Digital (e-LKM) dan Lesen Memandu Malaysia Digital (e-LMM) melalui Portal Awam JPJ atau Aplikasi MyJPJ.

Pada tahun 2024, berdasarkan kepada kesediaan sistem dan penerimaan awam yang positif, maka pada hari ini Kementerian ingin mengumumkan fasa seterusnya yang merangkumi beberapa inisiatif baharu iaitu :

- i. Fungsi Kongsi e-LKM Melalui Aplikasi MyJPJ

- ii. Fungsi Pembaharuan e-LKM dan e-LMM Melalui Aplikasi MyJPJ
- iii. Rebat RM5 Bagi Pembaharuan Lesen Memandu Malaysia Digital (e-LMM)
- iv. Slip LKM & Slip Pembaharuan LMM

FUNGSI KONGSI e-LKM MELALUI APLIKASI MyJPJ

Bermula hari ini 2 Januari 2024, orang awam boleh membuat perkongsian Lesen Kenderaan Motor Digital (e-LKM) atau *digital roadtax* menggunakan fungsi baharu iaitu ‘Kongsi LKM’ di Aplikasi MyJPJ. Melalui fungsi baharu ini, pemilik kenderaan boleh berkongsi e-LKM sesama ahli keluarga, rakan-rakan atau individu lain yang dibenarkan oleh pemilik kenderaan.

Pemilik kenderaan hanya perlu klik nombor plat kenderaan dan seterusnya klik butang ‘Kongsi LKM’ untuk membuat perkongsian e-LKM kepada individu lain. Fungsi ini juga mempunyai tempoh had masa perkongsian yang boleh

ditetapkan oleh pemilik kenderaan dan mempunyai kod pengaktifan yang perlu diberikan kepada penerima e-LKM tersebut untuk mengaktifkan perkongsian. Sistem juga akan menghapuskan rekod perkongsian sekiranya tidak diaktifkan dalam tempoh 24 jam.

Sebagai contohnya, Encik Ahmad berhasrat menggunakan kenderaan milik ayahnya dalam tempoh satu (1) minggu, sebelum menggunakan kenderaan tersebut, ayahnya boleh membuat perkongsian e-LKM kepada anaknya melalui fungsi 'Kongsi LKM' di aplikasi MyJPJ.

FUNGSI PEMBAHARUAN e-LKM DAN e-LMM MELALUI APLIKASI MyJPJ

Bagi memudahkan orang awam untuk mendapatkan perkhidmatan JPJ secara digital, pembaharuan Lesen Kenderaan Motor dan Lesen Memandu Malaysia boleh dilaksanakan melalui aplikasi MyJPJ bermula 1 Februari 2024. Pelaksanaan urusan pembaharuan LKM melalui

aplikasi ini akan dilaksanakan secara berfasa di mana pada peringkat permulaan hanya melibatkan kenderaan persendirian individu (warganegara).

Pertambahan fungsi baharu ini akan memudahkan orang awam untuk memperbaharui LKM dan LMM secara digital, menjimatkan masa dan kos serta dapat mengurangkan kesesakan urusan niaga secara fizikal di kaunter-kaunter JPJ.

REBAT RM5 – PEMBAHARUAN LESEN MEMANDU MALAYSIA DIGITAL (e-LMM)

Untuk menggalakkan penggunaan e-LMM, mereka yang memilih Lesen Memandu Malaysia Digital (e-LMM) semasa pembaharuan akan menikmati rebat sebanyak RM5. Rebati ini akan dinikmati sepanjang tahun 2024 iaitu bermula 1 Februari 2024 sehingga 31 Disember 2024.

Inisiatif ini terpakai untuk mereka yang memilih e-LMM semasa pembaharuan sama ada melalui kaunter JPJ /

portal mySIKAP / aplikasi MyJPJ atau rakan niaga JPJ (Pejabat Pos Malaysia dan MyEG Services Berhad).

Inisiatif ini hanyalah untuk warganegara Malaysia sahaja dan tidak terpakai kepada warganegara asing atau mana-mana pemegang pas / permit jangka masa panjang / Kad MyKAS / Kad MyPR.

SLIP LKM & SLIP PEMBAHARUAN LMM

Berdasarkan dapatan kajian dan analisa statistik sepanjang tahun 2023, JPJ mendapati bilangan pemandu dan pemilik yang memilih digitalisasi semakin meningkat.

Walau bagaimanapun bagi pemandu dan pemilik kenderaan yang masih belum bersedia sepanjang tempoh interim pendigitalan tahun 2024, mereka masih boleh memilih LKM dan LMM fizikal.

Bagi tujuan penyesuaian dalam tempoh interim, JPJ Malaysia akan mengeluarkan Lesen Kenderaan Motor (LKM) dan Lesen Memandu Malaysia (LMM) fizikal berbentuk baharu dan diseragamkan.

Sebelum ini LKM fizikal merupakan pelekat *disk* LKM dan LMM fizikal berbentuk kad plastik. Selepas ini pengeluaran LKM dan slip LMM fizikal adalah dalam bentuk kertas keselamatan sahaja.

LKM yang baharu ini tidak perlu dilekatkan atau dipamerkan pada cermin kenderaan sepertimana keperluan Seksyen 20(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 sebelum ini. Sebaliknya ianya disimpan mengikut kesesuaian orang awam.

Slip LKM ini adalah tidak wajib dan bertujuan untuk memberi masa kepada mereka yang masih perlu menyesuaikan diri dengan sistem digital.

Akhirnya, saya ingin menegaskan bahawa tindakan penguatkuasaan akan sentiasa dijalankan terhadap mana-mana pihak yang memandu kenderaan tanpa mempunyai LKM atau LMM yang sah selaras dengan peruntukan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan kaedah-kaedah di bawahnya.

Pihak JPJ juga akan menyediakan senarai Soalan Lazim (FAQ) mengenai inisiatif yang diumumkan pada hari ini. Orang ramai boleh mendapatkan maklumat lanjut dengan merujuk kepada FAQ yang disediakan atau berhubung terus di talian khidmat pelanggan JPJ.

Kerajaan berharap inisiatif yang diumumkan pada hari ini merupakan usaha MOT dan JPJ untuk mempermudah urusan pemilik LKM dan LMM seterusnya menyokong ke arah perkhidmatan pendigitalan yang terbaik kepada rakyat. MOT dan JPJ juga sentiasa menghargai sokongan daripada pelbagai pihak dalam pelaksanaan pendigitalan.

Saya menyeru supaya masyarakat bersama-sama kami untuk menjayakan pendigitalan JPJ.

Di kesempatan ini saya juga ingin mengucapkan Selamat Tahun Baharu kepada semua rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

LOKE SIEW FOOK
MENTERI PENGANGKUTAN
2 JANUARI 2024

[TAMAT]

LAMPIRAN



CETAKAN FIZIKAL LKM MOTOSIKAL



CETAKAN FIZIKAL LKM SELAIN MOTOSIKAL

LAMPIRAN

**SLIP PEMBAHARUAN
LESEN MEMANDU MALAYSIA**
MALAYSIAN DRIVING LICENCE RENEWAL SLIP

Nama / Name
**MUHAMMAD ARIF AIMAN BIN
MOHAMMAD ARIFIN AIMAN**

No. Pengenalan / Identity No.
901231114554

Kelas / Class
B D E

Tempoh / Validity
31 DIS 2023 - 31 DIS 2024

SLIP INI HENDAKLAH DISERTAKAN BERSAMA LESEN MEMANDU
(Slip To Be Produced With Driving Licence)

No. SIRI: **A000000000**


Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

SPECIMEN

CETAKAN FIZIKAL SLIP PEMBAHARUAN LMM

LAMPIRAN



PEMBAHARUAN e-LKM MELALUI APLIKASI MyJPJ



PEMBAHARUAN e-LMM MELALUI APLIKASI MyJPJ

LAMPIRAN

MALAYSIA MADANI
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

PEMILIK e-LKM

KONGSI e-LKM MELALUI APLIKASI MyJPJ

- Kongsi e-LKM Klik 'Profil'**
- Klik 'Lesen Kenderaan Motor' dan Pilih 'No. Pendaftaran Kenderaan'**
- Klik 'Kongsi LKM'**
- Paparan maklumat Penerima LKM Digital (jika Telah Dikongsi) Klik '*' untuk kongsi kepada penerima baharu**
- Masukkan 'No. KP Penerima' dan 'Tempoh'**
- Pengesahan 'No. KP Penerima' dan 'Tempoh'**
- Paparan 'Kod Keselamatan' Untuk Diberikan Kepada Penerima Bagi Mengaktifkan Paparan LKM Di MyJPJ Penerima**

infodigital@jpp.gov.my 03 - 2724 2522

Google Play App Store AppGallery

www.jpj.gov.my

MALAYSIA MADANI
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

PENERIMA e-LKM

KONGSI e-LKM MELALUI APLIKASI MyJPJ

- Kongsi e-LKM Klik 'Profil'**
- Klik 'Jana Semula' & Pilih 'No. Pendaftaran Kenderaan'**
- Masukkan 'Kod Keselamatan', Kod Hanya Aktif Untuk 24 Jam Sahaja.**
- LKM Berjaya 'Diaktifkan'**
- Tahniah LKM 'Berjaya Dikongsi'**

infodigital@jpp.gov.my 03 - 2724 2522

Google Play App Store AppGallery

www.jpj.gov.my

KONGSI e-LKM MELALUI APLIKASI MyJPJ